



BUAT MASA INI UNTUK LELAKI SAHAJA: Pegawai Pembangunan Sosial Masjid Sultan, Encik Muhamad Aizuddin Jamaludin (*gambar kiri*) menunjukkan tempat berasah (gambar atas) bagi golongan gelandangan dari 10 malam hingga 7 pagi bermula tahun depan. Buat masa ini, khidmat itu hanya dibuka bagi golongan lelaki setempat sahaja, tidak kira agama, memandangkan terdapat keperluan untuk mengasingkan tempat tidur lelaki dan wanita. – Foto-foto BH oleh AZMI ATHNI

Tinjauan: 60% gelandangan bergaji rendah, tidak mampu beli rumah

SEKITAR 60 peratus orang yang tidur di jalanan di Singapura bekerja, tetapi gaji mereka rendah dan mungkin tidak mencukupi untuk membeli rumah atau mendapatkan rumah sewa.

Sebahagian orang yang tidur di jalanan pula mempunyai rumah sewa atau membeli rumah dari HDB, tetapi enggan pulang ke rumah kerana berkelahi dengan penyewa lain yang berkongsi rumah itu.

Ada juga yang telah menjual rumah mereka.

Menurut laporan kajian itu, enam daripada 10 orang yang tidur di jalanan bekerja dan menerima gaji pertengahan (median) \$1,400 sebulan, berbanding gaji pertengahan nasional iaitu \$3,467.

Sebab-sebab orang tidur di jalanan di Singapura itu dimuatkan dalam laporan kajian Universiti Nasional Singapura (NUS) tentang kumpulan ini yang diterbitkan bulan lalu.

Kajian itu, yang dilakukan oleh Penolong Profesor Ng Kok Hoe dari Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP), mendapati bahawa ada sekitar 1,000 orang yang tinggal di jalanan di sini.

Hampir 500 sukarelawan meneroka 12,000 blok flat HDB dan ruang awam dan komersial lain dalam tempoh tiga bulan untuk menghitung bilangan orang yang tidur di jalanan.

Bercakap kepada akhbar *The Straits Times*, Profesor Ng berkata masalah yang dihadapi kumpulan yang tinggal di jalanan ini rumit dan sukar diuraikan.

Malah, 40 peratus daripada kumpulan yang diwawancara bagi kajian ini berkata mereka telah memohon bantuan menerusi Pejabat Perkhidmatan Sosial (SSO) atau Anggota Parlimen (AP) tetapi masih ‘terjerat’ di jalanan.

Kajian itu mendapati bahawa orang yang tidur di jalanan boleh ditemui di merata Singapura, tetapi lebih ramai orang sebegini ditemui di estet perumahan lebih besar dan lebih matang seperti di Bedok dan Kallang.

Kajian itu juga berkata kawasan sebegini mempunyai lebih banyak flat sewa dan hidup gelandangan atau di jalanan tanpa rumah bersangkutan paut dengan kemiskinan.

Kajian itu, namun, tidak mengetahui pasti secara khusus, kawasan yang dimaksudkan ini.

Sukarelawan bagi kajian itu memulakan perhatian mereka selepas 11.30 malam dan merakamkan bilangan orang yang sedang lena atau dilihat bersiap-siap untuk tidur di tempat awam.

Orang-orang ini biasanya mempunyai tilam atau alas tidur lain serta membawa barang lain.

Sejumlah 88 orang yang tidur di jalanan diwawancara bagi kajian ini.

Kata Profesor Ng:

“Orang yang tinggal di jalanan wujud di Singapura... tetapi walau ada perhatian awam dan perhatian dasar yang bertambah kebelakangan ini, jumlah orang yang tinggal di jalanan ini tidak diketahui. Mengetahui jumlah yang hidup sebegini, dan di mana mereka berada boleh membantu merancang dan menganjurkan khidmat dengan cara yang sistematik.”

Kos kajian itu ditampung sendiri menerusi geran kajian LKYSPP.

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) juga membantu dengan mendapatkan pekerja sosial untuk membantu dalam kajian.